PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Pertumbuhan mapan, dipacu oleh sektor perkilangan dan perkhidmatan

Pada suku pertama 2006, ekonomi Malaysia berkembang 5.3% (S4 2005: 5.2%) dengan pertumbuhan terus dipacu oleh sektor perkilangan dan perkhidmatan. Sektor perkilangan mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh, terutamanya hasil daripada trend yang meningkat dalam kitaran separa konduktor global, sementara pertumbuhan sektor perkhidmatan kekal kukuh, disokong oleh aktiviti berkaitan perdagangan, penggunaan dan pelancongan. Sementara itu, sektor komoditi utama mencatat prestasi bercampur-campur. Sektor pertanian mencatat pengembangan yang kukuh disebabkan prestasi kebanyakan subsektor yang lebih baik, seterusnya lebih daripada mengimbangi penurunan pengeluaran minyak sawit mentah. Sebaliknya, aktiviti sektor perlombongan merosot disebabkan pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang lebih rendah.

KDNK Suku Tahunan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga 1987

	2005			2006
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Pertanian	6.1	-1.5	2.5	7.3
Perlombongan	3.4	-2.0	0.8	-3.5
Perkilangan	5.7	7.9	5.1	8.0
Pembinaan	-2.4	-0.6	-1.6	-1.8
Perkhidmatan	6.8	5.9	6.5	5.2
KDNK benar (Perubahan Tahunan)	**6.1**	**5.2**	**5.2**	**5.3**
KDNK benar (Perubahan Berbanding Suku Sebelumnya)	**-2.9**	**1.8**	**5.2**	**-2.8**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor perkilangan terus meningkat

Trend pertumbuhan nilai ditambah **sektor perkilangan** yang meningkat berterusan untuk berkembang 8% pada suku pertama 2006 (S4 2005: 7.9%), sejajar dengan pemulihan dalam kitaran separa konduktor global.

Pertumbuhan juga disokong oleh peningkatan dalam industri berorientasikan pasaran dalam negeri.

Industri berorientasikan eksport berkembang 10.1% (S4 2005: 10.1%) didorong terutamanya oleh pertumbuhan yang lebih kukuh dalam industri keluaran elektronik dan elektrik (E&E) (16.7%; S4 2005: 10.5%). Kesemua kategori keluaran E&E yang utama mencatat pertumbuhan, termasuk segmen elektrik dan separa konduktor dan terutamanya segmen komputer, yang mendapat manfaat daripada minat membeli yang kukuh berikutan harga yang lebih rendah serta permintaan terhadap komputer riba yang meningkat disebabkan kepopularan sistem tanpa wayar. Sementara itu, pengeluaran produk kimia tumbuh pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 4.4% (S4 2005: 16.8%), mencerminkan permintaan yang lebih perlahan terhadap bahan plastik pengantara dari China. Industri keluaran petroleum juga mencatat pertumbuhan yang lebih sederhana sebanyak 8.9% (S4 2005: 11.5%) selaras dengan pengeluaran gas asli yang lebih rendah.

Pengeluaran industri tekstil, pakaian dan kasut terus berkembang dengan kukuh sebanyak 10.5% (S4 2005: 10.3%). Pengeluaran bagi keluaran

Penggunaan Kapasiti dalam Sektor Perkilangan



Prestasi Sektor Perkilangan

	2005			2006
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Nilai ditambah (harga malar)	**5.7**	**7.9**	**5.1**	**8.0**
Pengeluaran Keseluruhan	**4.0**	**8.2**	**5.1**	**8.3**
Industri berorientasikan eksport	**3.5**	**10.1**	**5.7**	**10.1**
Antaranya:				
Elektronik dan barangan elektrik	-1.2	10.5	3.5	16.7
Elektronik	-2.2	13.1	5.2	21.5
Barangan Elektrik	1.7	3.7	-0.8	4.2
Bahan kimia dan keluaran kimia	6.6	16.8	11.0	4.4
Keluaran petroleum[1]	13.4	11.5	10.8	8.9
Tekstil, pakaian dan kasut	-4.3	10.3	3.4	10.5
Kayu dan keluaran kayu [2]	1.3	3.1	1.5	1.9
Keluaran getah	4.6	-1.6	-0.4	-8.3
Pemprosesan luar estet	25.7	-4.6	8.1	-4.9
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**6.1**	**0.4**	**2.8**	**0.7**
Antaranya:				
Keluaran galian bukan logam	4.1	1.5	2.0	-5.7
Besi & keluli dan logam bukan ferum	1.6	-13.4	-5.3	-10.9
Makanan	8.6	4.8	7.6	-2.3
Kelengkapan pengangkutan	16.0	6.7	8.5	6.5
Keluaran logam yang direka	-6.9	-5.7	-4.9	13.2
Jumlah Eksport Perkilangan	**12.0**	**13.1**	**10.1**	**10.6**
Antaranya:				
Keluaran elektronik dan elektrik	9.9	14.7	10.0	8.4
Bahan kimia dan keluaran kimia	20.7	4.5	7.0	-6.7
Keluaran petroleum	18.0	20.6	24.7	39.3
Peralatan optikal & saintifik	22.9	12.4	6.5	7.9
Keluaran kayu	16.8	6.6	2.1	-3.7
Barangan perabot	10.3	0.8	6.1	8.0
Keluaran getah	11.9	18.7	12.3	16.7

[1] Dalam Indeks Pengeluaran Perindustrian (2000=100) yang baru, LNG telah diklasifikasikan semula sebagai keluaran petroleum (sebelum ini diklasifikasikan sebagai bahan kimia dan keluaran kimia). Dengan itu, keluaran petroleum diklasifikasikan semula sebagai industri berorientasikan eksport.

[2] Pengeluaran barangan perabot tidak termasuk dalam data pengeluaran kayu.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

getah terus merosot sebanyak 8.3% (S4 2005: -1.6%) meskipun dari segi eksport, perolehan kekal menggalakkan. Faktor utama kemerosotan pengeluaran disebabkan pengilang tayar sedang dalam peralihan kepada pengeluaran produk yang lebih sofistikated dan berkualiti lebih tinggi.

Sementara itu, **industri berorientasi pasaran dalam negeri** mencatat pertumbuhan sebanyak 0.7% pada suku pertama 2006 (S4 2005: 0.4%), kerana penguncupan dalam industri berkaitan pembinaan diimbangi oleh prestasi yang lebih baik dalam industri keluaran logam yang direka (13.2%; S4 2005: -5.7%) dan pertumbuhan yang mapan dalam industri kelengkapan pengangkutan (6.5%; S4 2005: 6.7%). Industri besi dan keluli merosot pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 10.9% (S4 2005: -13.4%), sebahagiannya mencerminkan pemulihan harga keluli global secara beransur-ansur. Industri keluaran galian bukan logam merosot 5.7% (S4 2005: 1.5%) pada suku pertama, sebahagiannya terjejas oleh aktiviti pembinaan yang lembap serta pengeluaran gelas yang lebih rendah untuk pasaran keluaran berkaitan tiub sinar katod yang semakin kecil.

Secara keseluruhan, kadar **penggunaan kapasiti** sektor perkilangan berpurata pada 74% pada suku pertama 2006 (S4 2005: 75%) dalam keadaan peningkatan kapasiti hasil daripada pelaburan yang lebih tinggi. Industri berorientasikan eksport beroperasi pada tahap 78% (S4 2005: 78%), sementara industri berorientasikan pasaran dalam negeri beroperasi pada tahap 68% (S4 2005: 70%) pada suku itu.

Pengembangan sektor perkhidmatan mapan

Sektor perkhidmatan berkembang 5.2% pada suku pertama 2006 (S4 2005: 5.9%), disokong oleh aktiviti berkaitan perdagangan, penggunaan dan pelancongan. Yang ketara, sektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan; dan perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran terus menunjukkan prestasi yang menggalakkan.

Subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 6% (S4 2005: 5.8%) didorong terutamanya oleh peningkatan aktiviti pemberian pinjaman bank serta pertumbuhan sektor insurans yang berterusan bagi kedua-dua kategori insurans am dan hayat. Sementara itu, segmen perkhidmatan perniagaan terus kekal kukuh,

disebabkan aktiviti perniagaan terpilih yang lebih tinggi yang mendapat manfaat daripada prestasi pasaran saham yang lebih baik pada suku pertama serta aktiviti yang lebih tinggi dalam industri perkhidmatan perkongsian dan penggunaan perkhidmatan pihak ketiga (SSO) seperti yang dicerminkan oleh 16 kelulusan baru syarikat SSO berstatus MSC pada suku itu.

Prestasi Sektor Perkhidmatan (Nilai Ditambah)

	Bahagian 2005	2005			2006
		S1	S4	Tahun	S1
	%	Perubahan tahunan (%)			
Perkhidmatan Pengantara	**41.5**	**7.1**	**5.5**	**5.9**	**5.4**
Pengangkutan, penyimpanan & komunikasi	15.1	10.4	4.9	6.2	4.4
Kewangan, insurans, harta tanah & perkhidmatan perniagaan	26.4	5.2	5.8	5.7	6.0
Perkhidmatan Akhir	**58.5**	**6.6**	**6.1**	**6.9**	**5.1**
Elektrik, gas & air	7.1	6.2	3.7	5.6	4.7
Perniagaan borong & runcit, hotel dan restoran	25.2	7.8	7.0	8.0	6.1
Perkhidmatan Kerajaan	12.8	6.7	7.4	7.6	3.7
Perkhidmatan lain	13.3	4.7	4.6	4.9	4.6
Jumlah Perkhidmatan	**100.0**	**6.8**	**5.9**	**6.5**	**5.2**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2005			2006
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	17.4	18.7	18.7	18.8
Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, hotel & restoran	12.7	8.3	8.3	7.3
Import barangan penggunaan	10.7	4.2	5.9	14.1
Jumlah jualan kereta penumpang	19.5	13.5	8.6	-9.6
Jumlah jualan kenderaan perdagangan	31.6	16.4	31.2	23.2
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang	6.6	1.9	4.8	6.5
Kargo yang dikendali (semua lapangan terbang)	5.3	6.2	4.3	10.7
Kargo kotena yang dikendali (Pelabuhan Klang dan PTP)	4.7	7.8	4.9	7.8
Trafik SMS	70.6	156.3	130.8	118.9
	Peratusan (%)			
Kadar penembusan telefon bimbit (%)	60.9	74.1	74.1	77.7

Sumber: Pelbagai sumber

Subsektor **perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran** terus berdaya tahan untuk mencatat pertumbuhan yang mapan sebanyak 6.1% pada suku pertama (S4 2005: 7%). Perkembangan ini berlaku meskipun harga petrol dan diesel dalam negeri meningkat pada suku itu. Pertumbuhan disokong oleh perbelanjaan sektor isi rumah yang berterusan dalam suasana pertumbuhan pendapatan yang positif. Aktiviti pelancongan dalam negeri yang pesat disokong oleh kadar tambang penerbangan yang istimewa dan tawaran pakej pelancongan yang menarik pada suku pertama.

Pertumbuhan **subsektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi** disokong oleh segmen pengangkutan dan telekomunikasi. Sektor pengangkutan dibantu aktiviti darat dan pelabuhan yang lebih tinggi selaras dengan peningkatan jumlah perdagangan pada suku pertama. Sementara itu, pertumbuhan dalam industri telekomunikasi terus mapan disebabkan aktiviti segmen selular yang tinggi.Peningkatan kadar penembusan (77.7%; S4 2005: 74.1%) dan pertumbuhan yang kukuh dalam trafik khidmat pesanan ringkas (SMS), yang melebihi tujuh bilion untuk dua suku berturut-turut, terus menyokong pertumbuhan dalam industri itu. Penggunaan jalur lebar juga terus meningkat dengan bilangan pelanggan jalur lebar melebihi setengah juta pada akhir bulan Mac 2006 (kadar penembusan sebanyak 2.2%; akhir 2005: 1.9%).

Subsektor utiliti mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 4.7% (S4 2005: 3.7%) disokong terutamanya oleh permintaan yang meningkat terhadap elektrik daripada pengguna komersial dan isi rumah, sementara pertumbuhan subsektor **perkhidmatan Kerajaan** terus meningkat disebabkan emolumen yang lebih banyak dan elaun tambahan yang dibayar kepada kakitangan Kerajaan.

Pertumbuhan sektor pertanian lebih kukuh manakala aktiviti sektor perlombongan terus lembap

Prestasi **sektor komoditi utama** bercampur-campur pada suku pertama 2006. Sektor pertanian mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 7.3% (S4 2005: -1.5%) didorong terutamanya oleh aktiviti yang lebih tinggi dalam segmen getah, koko, padi, ternakan, ikan, buah-buahan dan sayur-sayuran manakala pengeluaran minyak sawit mentah merosot pada suku itu. Sementara itu, sektor perlombongan terus merosot 3.5% (S4 2005: -2%) disebabkan pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang lebih rendah.

Dalam **sektor pertanian**, kebanyakan subsektor mempamerkan prestasi yang mantap pada suku pertama. Yang ketara, **pengeluaran getah** meningkat semula untuk mencatat peningkatan yang ketara pada suku pertama sebanyak 25.2% (S4 2005: -3.8%) meskipun musim daun luruh yang berlaku semasa bulan Februari sehingga April yang menjejaskan hasil. Prestasi yang kukuh mungkin berkaitan dengan harga semasa yang tinggi pada suku pertama, yang berpunca daripada permintaan global yang kukuh terhadap getah asli dan didorong pula oleh harga getah sintetik yang tinggi selaras dengan harga minyak mentah yang meningkat pada suku pertama. Harga getah kukuh dengan ketara sebanyak 47.1% kepada purata 689 sen sekilogram pada suku pertama (S4 2005: 605 sen sekilogram) dengan harga secara konsisten melebihi paras ambang 700 sen sejak bulan Februari 2006. Harga yang tinggi mendorong pekebun kecil, yang mencakupi hampir 95% daripada pengeluaran getah asli Malaysia, untuk mempergiat aktiviti penorehan mereka. Para pekebun kecil juga dibantu oleh keadaan cuaca yang sederhana di kawasan pengeluaran getah di bahagian utara Semenanjung Malaysia, berbanding dengan musim kemarau yang melampau yang merencatkan pengeluaran susu getah pada tempoh yang sama tahun 2005.

Di samping itu, pengeluaran **koko dan ikan** mencatat pertumbuhan positif pada suku pertama 2006, selepas mengalami kemerosotan selama empat suku berturut-turut pada tahun 2005. Pengeluaran koko meningkat semula dengan ketara sebanyak 23.2% kepada 9,407 tan, dalam keadaan insiden penyakit *black pod* yang telah menjejaskan hasil sebelum ini. Pengeluaran ikan meningkat 8% kepada 343,108 tan, disebabkan terutamanya oleh pemulihan

Prestasi Sektor Pertanian

	2005			2006
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Nilai ditambah (pada harga tahun 1987)	**6.1**	**-1.5**	**2.5**	**7.3**
Pengeluaran[1]				
Antaranya:				
Minyak sawit mentah	27.5	-6.0	7.0	-5.4
Minyak isirong sawit mentah	27.2	-5.4	12.1	-8.9
Getah	-9.8	-3.8	-3.8	25.2
Ikan	-13.0	-1.7	-7.2	8.0
Biji koko	-10.9	-7.8	-16.3	23.2
Eksport (RM juta)	**6.2**	**3.2**	**3.4**	**5.0**
Antaranya:				
Minyak sawit				
('000 tan)	13.9	-0.2	10.9	3.5
(RM/tan)	-15.7	-8.2	-14.6	-4.6
(RM juta)	-4.0	-8.4	-5.3	-1.3
Minyak isirong sawit				
('000 tan)	14.5	-2.1	0.0	-30.0
(RM/tan)	8.3	-12.4	-3.3	-4.7
(RM juta)	24.1	-14.2	-3.3	-33.3
Getah				
('000 tan)	-0.8	-0.2	2.1	3.0
(Sen/kilogram)	-2.2	28.7	9.0	43.7
(RM juta)	-2.9	28.4	11.3	48.0
Kayu siap digergaji				
('000 meter padu)	47.8	-0.8	16.4	-21.0
(RM/meter padu)	-10.3	23.5	8.3	29.8
(RM juta)	32.6	22.4	26.0	2.5
Kayu balak				
('000 meter padu)	42.2	1.6	10.6	-19.1
(RM/meter padu)	4.4	17.0	7.7	17.7
(RM juta)	48.4	18.8	19.1	-4.7
Biji koko				
('000 tan)	183.4	-5.6	-2.1	101.1
(RM/tan)	0.7	3.5	-1.8	0.1
(RM juta)	185.3	-2.3	-3.9	101.2

[1] Dalam '000 tan, kecuali kayu balak dalam '000 meter padu

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
Lembaga Getah Malaysia (LGM)
Jabatan Perikanan Malaysia
Lembaga Koko Malaysia (MCB)
Jabatan Perangkaan Malaysia

dalam pengeluaran ikan laut berikutan inisiatif yang diambil oleh Kerajaan pada tahun 2005 untuk menangani masalah yang dihadapi oleh nelayan akibat Tsunami dan kenaikan harga petroleum. Pertumbuhan terus diperteguh oleh peningkatan hasil tuaian daripada aktiviti akuakultur, termasuk ikan hiasan, udang harimau dan rumpai laut.

Sementara itu, pengeluaran **minyak sawit mentah** merosot 5.4% kepada 3.23 juta tan (S4 2005: -6%), disebabkan hasil yang lebih rendah seperti yang dicerminkan oleh kemerosotan dalam pengeluaran tandan buah segar (FFB) dan kadar perahan minyak (OER). Hasil FFB pada suku pertama merosot 4.4% kepada 4.14 tan sehektar (S1 2005: 4.33 tan sehektar), sementara OER turun sedikit kepada 19.54%, berbanding dengan 20.20% yang dicatat pada tempoh yang sama tahun 2005. Hasil pada suku pertama terjejas oleh hujan yang terlalu lebat dan banjir di kawasan pengeluaran utama di pantai barat Semenanjung Malaysia dan Sabah, serta tempoh cuti perayaan yang panjang yang melewatkan aktiviti tuaian.

Aktiviti **sektor perlombongan** terjejas oleh pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang lebih rendah. Pengeluaran **minyak mentah** (termasuk kondensat) merosot 2.2% kepada 724,166 tong sehari pada suku pertama (S1 2005: 740,383 tong sehari), sementara pengeluaran **gas asli** menguncup 5.9% kepada 5,974 juta kaki padu standard sehari (S1 2005: 6,352 juta kaki padu standard sehari).

Aktiviti pembinaan lembap

Sektor **pembinaan** kekal lembap dengan aktiviti menguncup sebanyak 1.8% pada suku pertama (S4: -0.6%). Pertumbuhan terjejas terutamanya oleh kelemahan dalam sektor kejuruteraan awam kerana peserta industri utama terus mendapat projek di luar negara dalam keadaan lebihan kapasiti dalam negara. Aktiviti subsektor kediaman menunjukkan tanda-tanda menjadi sederhana kerana pemaju bersikap berhati-hati dalam pelancaran projek baru dalam suasana kos yang meningkat dan permintaan yang berkurang.

Penunjuk Pembinaan

	2005			2006
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Permit jualan dan iklan baru	2.3	11.4	15.9	-17.8[1]
Kelulusan perumahan	11.2	2.8	-2.7	-43.2[1]
Pengeluaran bahan berkaitan pembinaan	3.3	-3.8	-0.5	-7.5
Kelulusan pinjaman untuk pembinaan	47.6	3.4	2.2	-33.6
Import bahan pembinaan dan bahan galian	6.1	0.2	-7.3	1.1[1]

[1] Jan-Feb 2006
Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perlombongan

	2005			2006
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Nilai ditambah (pada harga tahun 1987)	**3.4**	**-2.0**	**0.8**	**-3.5**
Pengeluaran				
Antaranya:				
Minyak mentah dan kondensat	-5.2	-3.0	-4.9	-2.2
('000 tong)				
Gas asli (bersih)	19.8	-0.5	11.3	-5.9
(juta kaki padu standard)				
Eksport (RM juta)	**34.8**	**20.2**	**27.1**	**24.0**
Antaranya:				
Minyak mentah dan kondensat				
('000 tan)	-1.1	8.6	-2.0	-4.1
(USD/tong)	36.0	26.3	37.1	41.0
(RM juta)	34.5	36.3	33.7	32.6
Gas asli cecair				
('000 tan)	17.6	-1.7	5.9	-2.6
(RM/tan)	12.8	17.6	15.0	19.6
(RM juta)	32.7	15.5	21.7	16.4

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan Dalam Negeri Lebih Kukuh

Pertumbuhan permintaan dalam negeri lebih kukuh pada suku pertama 2006, meningkat pada kadar tahunan 7.6% (S4 2005: 7.2%). Sektor swasta terus menjadi pendorong utama pertumbuhan.

Perbelanjaan **penggunaan swasta** kekal kukuh pada suku pertama, meningkat 7.5%. Meskipun terdapat kebimbangan tentang kenaikan

inflasi, perbelanjaan pengguna disokong oleh peningkatan pendapatan boleh guna yang berterusan dalam suasana harga komoditi yang terus tinggi dan prestasi eksport yang kukuh. Keadaan pasaran pekerja juga kekal menggalakkan dengan kekosongan jawatan berterusan tinggi sementara pemberhentian pekerja berkurang. Keadaan pembiayaan juga terus menyokong pertumbuhan. Meskipun Kadar Dasar Semalaman Bank Negara Malaysia meningkat pada bulan Februari, dan meningkat lagi pada bulan April, kadar faedah terus kekal di bawah paras neutral dan dengan itu terus menyokong aktiviti ekonomi.

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar 1987)

	2005			2006
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	6.4	7.2	7.3	7.6
Penggunaan	8.3	9.9	8.3	6.1
Sektor swasta	10.1	9.0	9.2	7.5
Sektor awam	1.0	12.6	5.4	0.1
Pembentukan Modal Tetap Kasar	2.0	0.4	4.7	11.4
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	10.8	9.7	8.6	5.9
Import Barangan dan Perkhidmatan	8.4	8.0	8.0	10.8
KDNK	**6.1**	**5.2**	**5.2**	**5.3**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Perbelanjaan Kerajaan Meningkat Dengan Sederhana



Keyakinan Perniagaan Kekal Tinggi Sementara Sentimen Pengguna Menurun



Penunjuk penggunaan utama juga menunjukkan perbelanjaan pengguna yang mapan. Import barangan penggunaan dan perbelanjaan kad kredit mencatat pertumbuhan yang kukuh, sementara pertumbuhan pinjaman yang diluluskan dan dikeluarkan bagi tujuan penggunaan adalah berterusan. Namun begitu, bilangan jualan kereta penumpang baru mencatat kemerosotan pada suku pertama, mencerminkan sebahagiannya ketidakpastian mengenai butiran Dasar Automotif Negara.

Sementara itu, **penggunaan awam** meningkat 0.1% kerana perbelanjaan yang lebih rendah bagi menyediakan pendidikan dan perkhidmatan kesihatan lebih daripada mengimbangi perbelanjaan atas emolumen dan pertahanan yang lebih tinggi.

Pembentukan modal tetap kasar terus bertambah kukuh dengan mencatat pertumbuhan sebanyak 11.4%. Perbelanjaan pelaburan disokong terutamanya oleh perbelanjaan modal sektor swasta memandangkan perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan menurun. Sektor perniagaan meningkatkan dan mengembangkan kapasiti produktif mereka, dan membuat pelaburan baru dalam aktiviti hiliran kerana didorong oleh prospek perniagaan

yang lebih baik dan penggunaan kapasiti yang terus tinggi. Indeks Keadaan Perniagaan MIER naik kepada 102.5 mata (S4 2005: 100.5 mata). Ini memperlihatkan bahawa pengilang terus optimis terhadap jualan dan pengeluaran meskipun harga minyak lebih tinggi. Penunjuk pelaburan utama juga menunjukkan corak pelaburan yang kukuh. Import barangan modal dan jualan kenderaan perdagangan mencatat kadar pertumbuhan dua angka yang kukuh sementara penunjuk kewangan, terutamanya pinjaman yang diluluskan dan dikeluarkan kepada sektor perniagaan, menunjukkan aktiviti pelaburan yang lebih tinggi pada suku pertama.

Walaupun perbelanjaan pembangunan Kerajaan lebih rendah, tumpuan terus diberi pada usaha menyediakan perkhidmatan asas seperti pembangunan pertanian dan luar bandar, utiliti awam, pendidikan dan perkhidmatan kesihatan.

Inflasi meningkat pada suku pertama

Kadar tahunan inflasi, seperti yang diukur oleh **Indeks Harga Pengguna** (IHP), meningkat kepada 3.7% (S4 2005: 3.4%). Ini terutamanya mencerminkan kenaikan harga runcit bahan api sebanyak 18% pada 28 Februari 2006, yang menyebabkan pelarasan menaik dalam kadar inflasi pada bulan Mac kepada 4.8%. Peningkatan itu juga sebahagiannya disebabkan wajaran kategori pengangkutan yang lebih tinggi dalam kumpulan IHP yang disemak (berkuat kuasa bulan Januari 2006, Jabatan Perangkaan Malaysia telah menyemak tahun rujukan asas bagi tempoh IHP daripada tahun 2000 kepada tahun 2005. Sila rujuk rencana dalam Buletin Perangkaan Bulanan bulan Mac 2006 untuk butiran lanjut).

Pertumbuhan tahunan **Indeks Harga Pengeluar** (IHPR) meningkat kepada 9.9% pada suku pertama (S4 2005: 7.1%). Kenaikan itu disebabkan sebahagian besarnya oleh kenaikan yang lebih kukuh dalam kategori berkaitan komoditi dalam suasana harga getah, minyak mentah dan minyak sawit mentah yang lebih tinggi. Sementara itu, tidak termasuk komoditi, kadar kenaikan IHPR adalah sederhana pada 0.7% (S4 2005: 1.7%) disebabkan terutamanya oleh kenaikan IHPR bagi makanan dan binatang hidup dan keluaran berkaitan perkilangan yang lebih perlahan, sementara IHPR bagi keluaran berkaitan kimia dan jentera dan kelengkapan pengangkutan pula lebih rendah.

Pasaran pekerja terus kukuh

Keadaan pasaran pekerja terus kukuh pada suku pertama 2006 dengan kekosongan jawatan yang kekal tinggi dan bilangan pemberhentian pekerja dan pencari kerja yang belum ditempatkan terus menurun.

Jumlah kekosongan jawatan yang dilaporkan pada suku pertama berterusan tinggi sebanyak 170,882 jawatan (S4 2005: 182,838 jawatan), dengan bilangan kekosongan jawatan yang tinggi dilaporkan dalam sektor perkilangan (42%), pertanian (21%) dan perkhidmatan (18%). Permintaan yang terus kukuh terhadap pekerja juga dicerminkan oleh penurunan pemberhentian pekerja sebanyak 23% pada suku pertama, dengan hanya 3,648 orang diberhentikan pada suku itu (S4 2005: 3,955 orang). Kira-kira 34% daripada pemberhentian pekerja itu melibatkan pekerja jualan dan perkhidmatan dan sebilangan pekerja pengeluaran (29%).

Sumbangan kepada Inflasi



Berkuat kuasa dari Januari 2006, tempoh rujukan asas bagi IHP ialah tahun 2005=100

Keadaan Pasaran Pekerja



Trend menurun dalam pemberhentian pekerja mencerminkan penurunan yang berterusan dalam bilangan pencari pekerja yang belum ditempatkan. Pada akhir bulan Mac 2006, jumlah bilangan pencari kerja yang belum ditempatkan ialah 56,823 orang, iaitu penurunan selama tujuh bulan berturut-turut sejak akhir bulan September 2005. Kebanyakan pencari kerja merupakan lepasan sekolah dengan kelayakan SPM (32%) serta pemegang ijazah (24%) dan diploma (20%).

Namun demikian, dengan meningkatnya ketidakpastian yang didorong oleh harga minyak yang lebih tinggi pada suku pertama, kebimbangan berhubung dengan prospek pekerjaan meningkat pada suku pertama, seperti ditunjukkan oleh Indeks Guna Tenaga MIER yang lebih rendah. Dijangkakan bahawa sentimen akan turut meningkat dengan peredaran masa apabila trend positif dalam pasaran pekerja berterusan pada bulan-bulan berikutnya tahun ini.

Produktiviti pekerja benar, seperti yang diukur oleh nilai jualan produk benar bagi setiap pekerja dalam sektor perkilangan merosot 1.1% (S4 2005: 7.5%), iaitu penguncupan suku tahunan yang pertama sejak suku pertama tahun 2002 (-3.4%). Kemerosotan pertumbuhan produktiviti pekerja benar pada suku pertama tahun ini mencerminkan pertumbuhan jualan perkilangan yang lebih rendah pada asas tahunan, dalam suasana pertumbuhan guna tenaga dan inflasi yang lebih tinggi. Sebaliknya, upah benar merosot lebih ketara (-1.7%: S4 2005: -0.5%) kerana upah nominal mencatat pertumbuhan yang kecil, yang lebih daripada diimbangi oleh harga pengguna yang lebih tinggi.

Eksport dan import terus berkembang

Lebihan perdagangan berkurang kepada RM25.8 bilion pada suku pertama 2006 (S4 2005: RM28.6 bilion) kerana import kasar meningkat pada kadar yang lebih pantas (13.7%; S4 2005: 7.5%) berbanding dengan eksport (11.5%; S4 2005: 12.6%). Pertumbuhan import yang kukuh mencerminkan pertumbuhan dalam kesemua kategori import.

Eksport kasar meningkat pada kadar yang mapan sebanyak 11.5% pada suku pertama 2006 (S4 2005: 12.6%) disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan yang kukuh dalam eksport komoditi, terutamanya galian, dan pengembangan dua angka yang berterusan dalam eksport perkilangan.

Imbangan Perdagangan



Eksport **barangan perkilangan** meningkat 10.6% (S4 2005: 13.1%) disokong oleh eksport keluaran berasaskan sumber terpilih dan kelengkapan pengangkutan. Sementara itu, eksport keluaran E&E berkembang, walaupun pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 8.4% (S4 2005: 14.7%) kerana kepesatan penghantaran komputer dan keluaran berkaitan komputer telah diimbangi oleh pertumbuhan yang lebih perlahan dalam eksport perkakas elektrik. Yang penting, kejatuhan harga beberapa produk E&E dalam suasana persaingan yang sengit sebahagiannya menyumbang kepada pertumbuhan yang lebih rendah dalam perolehan pada suku itu.

Akaun Perdagangan

	2005			2006
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Eksport kasar	**13.7**	**12.6**	**11.0**	**11.5**
Perkilangan	*12.0*	*13.1*	*10.1*	*10.6*
Pertanian	*6.2*	*3.2*	*3.4*	*5.0*
Galian	*34.8*	*20.2*	*27.1*	*24.0*
Import Kasar	**10.1**	**7.5**	**8.5**	**13.7**
Barangan modal	*0.7*	*0.3*	*9.5*	*28.8*
Barangan pengantara	*10.6*	*6.3*	*7.2*	*8.0*
Barangan penggunaan	*10.7*	*4.2*	*5.9*	*14.1*
Imbangan perdagangan (RM bil)	**25.0**	**28.6**	**99.8**	**25.8**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan eksport keluaran berasaskan sumber kekal mapan, didorong terutamanya oleh eksport petroleum, keluaran getah, makanan dan perabot dan komponen. Eksport keluaran petroleum meningkat lagi sebanyak 39.3% (S4 2005: 20.6%), disokong oleh harga yang tinggi dan permintaan yang memberangsangkan dari negara serantau. Pertumbuhan eksport keluaran getah juga kekal pada tahap yang tinggi (16.7%; S4 2005: 18.7%), disebabkan permintaan yang menggalakkan dan harga yang lebih tinggi kerana sebahagian daripada kenaikan kos bahan mentah dipindahkan kepada pengguna. Sementara itu, terdapat peningkatan yang jelas dalam eksport perabot dan komponen (8%; S4 2005: 0.8%) disokong oleh permintaan yang menggalakkan dari Amerika Syarikat, United Kingdom dan Australia. Pertumbuhan yang kukuh dalam eksport struktur terapung bagi industri minyak dan gas telah menyumbang kepada peningkatan yang ketara (104.9%) dalam eksport segmen kelengkapan pengangkutan pada suku pertama.

Berikutan kenaikan yang kukuh dalam harga tenaga pada suku pertama 2006, pendapatan **eksport galian** meningkat dengan nyata sebanyak 24% kepada RM15 bilion, dan seterusnya mencapai paras tertinggi yang pernah dicatat pada asas suku tahunan. Kenaikan harga tenaga telah didorong oleh ketidakpastian geopolitik di negara pengeluar minyak utama dan pertumbuhan yang terlalu kecil dalam bekalan minyak mentah, yang disebabkan oleh lebihan kapasiti pengeluaran yang terhad di peringkat global dan kapasiti penapisan yang tidak mencukupi di AS, dalam suasana permintaan yang semakin meningkat terhadap keluaran petroleum terutamanya untuk tujuan pengangkutan. Minyak mentah Malaysia dari jenis "*light and sweet*" dengan kandungan sulfur yang rendah mendapat permintaan khusus daripada syarikat penapisan minyak di seluruh dunia untuk mengeluarkan keluaran petroleum yang berkaitan dengan pengangkutan. Hasilnya, premium yang diraih oleh minyak mentah Malaysia berbanding dengan gred minyak penanda aras dalam pasaran minyak global meningkat, menyebabkan harga eksport minyak mentah Malaysia itu berpurata pada USD65.32 setong. Selaras dengan harga tenaga yang lebih tinggi, perolehan daripada eksport gas asli cecair (LNG) juga meningkat 16.4%, dipacu keseluruhannya oleh kenaikan harga yang ketara sebanyak 19.6% kepada purata RM1,041 setan.

Eksport pertanian terus meningkat sebanyak 5% pada suku pertama kepada RM9.2 bilion (S4 2005: 3.2%), disokong terutamanya oleh pertambahan yang besar dalam eksport getah sebanyak 48% (S4 2005: 28.4%). Prestasi yang luar biasa ini disebabkan oleh kenaikan harga eksport (43.7% kepada 666 sen sekilogram; S4 2005: 28.7%) didorong oleh permintaan global yang tinggi terhadap getah asli daripada sektor automotif, di samping kenaikan harga getah tiruan, iaitu satu keluaran petrokimia, yang semakin meningkat selaras dengan harga minyak mentah yang lebih kukuh. Perkembangan ini menyebabkan pengurangan stok getah dunia, lantas memberi tekanan menaik terhadap harga. Sementara itu, eksport minyak sawit merosot 1.3% pada suku pertama (S4 2005: -8.4%) disebabkan keseluruhannya oleh harga yang lebih rendah, sementara jumlah eksport terus meningkat 3.5%. Walaupun harga eksport minyak sawit masih pada paras menarik, iaitu RM1,420 setan pada suku pertama, paras ini masih lagi rendah jika dibandingkan dengan harga pada suku yang sama tahun 2005. Sementara itu, penghantaran minyak sawit kepada pasaran eksport utama termasuk RR China, Timur Tengah dan AS terus meningkat.

Perdagangan Malaysia dengan rakan dagangan utamanya terus berkembang. Eksport ke negara serantau (tidak termasuk Jepun) berkembang 11.6% untuk mencakupi bahagian yang lebih tinggi sebanyak 45.8%. Pertumbuhan eksport serantau dipacu oleh Singapura, Vietnam dan Korea. Eksport ke Singapura disokong oleh permintaan yang kukuh untuk keluaran elektrik dan elektronik (E&E), keluaran petroleum yang ditapis, kelengkapan pengangkutan dan petroleum mentah, sementara Korea terus mengimport LNG, petroleum mentah dan kimia dari Malaysia. Yang penting, eksport ke Vietnam meningkat 107%, didorong oleh eksport kelengkapan pengangkutan, minyak sawit, keluaran plastik dan logam.

Pada suku pertama, Malaysia juga mencatat pertumbuhan eksport yang kukuh ke AS, EU, Australia dan New Zealand. Eksport ke AS didorong oleh eksport keluaran E&E dan kayu, tekstil dan pakaian, keluaran getah dan minyak sawit. Selaras dengan aktiviti ekonomi yang bertambah baik, eksport ke negara-negara EU meningkat 10%. Eksport ke Australia dan New Zealand disokong oleh permintaan yang kukuh terhadap petroleum mentah dan keluaran E&E.

Dari segi import, Malaysia terus mendapatkan komponen import dari negara serantau, khususnya Singapura, RR China, Thailand dan Korea. Import dari negara serantau meningkat dengan ketara sebanyak 14.2%, mencerminkan terutamanya import keluaran E&E, kimia dan keluaran logam. Import dari

Malaysia: Destinasi Eksport

	2005			2006	2005			2006	2005			2006
	S1	S4	Tahun	S1	S1	S4	Tahun	S1	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion				Bahagian daripada jumlah eksport (%)				Perubahan tahunan (%)			
Amerika Syarikat	**21.6**	**27.5**	**105.0**	**24.5**	**17.6**	**19.3**	**19.7**	**17.9**	**12.2**	**18.8**	**16.5**	**13.4**
Kesatuan Eropah (EU)	**14.6**	**17.5**	**62.6**	**16.1**	**11.9**	**12.3**	**11.7**	**11.8**	**5.3**	**11.2**	**3.7**	**10.0**
Negara ASEAN terpilih[1]	**32.6**	**36.7**	**137.8**	**37.4**	**26.6**	**25.7**	**25.8**	**27.3**	**20.9**	**14.5**	**15.1**	**14.7**
Negara Timur Laut Asia	**23.5**	**27.0**	**99.2**	**25.2**	**19.2**	**18.9**	**18.6**	**18.4**	**7.3**	**11.0**	**6.2**	**7.2**
Republik Rakyat China	*8.0*	*10.5*	*35.2*	*8.3*	*6.5*	*7.3*	*6.6*	*6.1*	*10.8*	*26.2*	*9.6*	*4.4*
Hong Kong China	*7.1*	*7.8*	*31.2*	*7.5*	*5.8*	*5.5*	*5.8*	*5.5*	*9.7*	*6.5*	*8.8*	*6.2*
China Taipei	*3.1*	*4.0*	*14.8*	*3.3*	*2.5*	*2.8*	*2.8*	*2.4*	*-14.4*	*-2.4*	*-6.0*	*7.2*
Korea	*5.4*	*4.7*	*17.9*	*6.1*	*4.4*	*3.3*	*3.4*	*4.5*	*14.9*	*2.5*	*6.6*	*12.8*
India	**3.7**	**4.2**	**15.0**	**4.0**	**3.0**	**2.9**	**2.8**	**2.9**	**37.0**	**32.2**	**31.2**	**8.3**
Jumlah eksport	**122.6**	**142.6**	**533.8**	**136.7**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**13.7**	**12.6**	**11.0**	**11.5**

[1] Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan Import



AS berkembang 26.4%, mencakupi bahagian import yang lebih tinggi sebanyak 14%, disokong oleh kenaikan import keluaran E&E, kelengkapan pengangkutan serta kelengkapan optik dan saintifik. **Import kasar** tumbuh lebih kukuh sebanyak 13.7%, mencerminkan keteguhan aktiviti pelaburan swasta dan perbelanjaan pengguna dalam negeri serta pengembangan yang berterusan dalam input untuk eksport perkilangan. Import **barangan pengantara**, khususnya input untuk keluaran E&E, meningkat 8%. Permintaan yang lebih tinggi untuk musim perayaan juga mendorong peningkatan dalam import makanan dan minuman. Import bahan api dan pelincir mencatat pertumbuhan yang kukuh pada suku pertama, hasil daripada harga minyak yang tinggi.

Satu ciri yang ketara ialah pertumbuhan yang nyata sebanyak 28.8% dalam **barangan modal** kepada RM15.9 bilion. Import barangan modal tidak termasuk barangan *lumpy* meningkat 12.3%. Peningkatan dalam import untuk tujuan pengembangan kapasiti dan peningkatan teknologi berlaku dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan, seperti yang ditunjukkan oleh pertambahan dalam import jentera untuk perkilangan, alat logam, kelengkapan pejabat dan alat penjana, turbin dan motor elektrik. Aktiviti cari gali dan pembangunan dalam industri minyak dan gas huluan juga mendorong peningkatan import kelengkapan pembinaan dan perlombongan. Permintaan luaran yang kukuh terhadap eksport komoditi dan pengembangan perjalanan antara negara serantau telah mendorong peningkatan dalam penghantaran kapal, pesawat udara dan keretapi. Sejajar dengan perbelanjaan pengguna swasta yang berterusan, import **barangan penggunaan** meningkat 14.1%. Import penggunaan terutamanya terdiri daripada import barangan pengguna tahan lama dan separa tahan lama.

Malaysia: Import mengikut Penggunaan Akhir Dan Klasifikasi Kategori Ekonomi Umum (BEC)

	2005			2006
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan Tahunan (%)			
BARANGAN MODAL	**0.7**	**0.3**	**9.5**	**28.8**
Barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	7.3	5.3	10.0	17.2
Alat kelengkapan pengangkutan	-43.0	-26.8	5.3	173.3
BARANGAN PENGANTARA	**10.6**	**6.3**	**7.2**	**8.0**
Makanan dan minuman terutamanya untuk industri	-7.9	6.9	-5.6	29.0
Bekalan perindustrian, t.s.t.l.	16.0	0.6	6.0	1.3
Bahan api dan pelincir	95.7	32.2	42.3	21.1
Alat ganti dan aksesori barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	0.1	5.6	2.7	8.9
Alat ganti dan aksesori alat kelengkapan pengangkutan	40.9	11.3	34.8	9.4
BARANGAN PENGGUNAAN	**10.7**	**4.2**	**5.9**	**14.1**
Makanan dan minuman terutamanya untuk penggunaan isi rumah	9.5	-1.2	4.0	3.6
Alat kelengkapan pengangkutan bukan perindustrian	-16.2	17.5	-4.9	23.5
Barangan pengguna, t.s.t.l.	12.2	7.4	7.4	20.9
Barangan tahan lama	*11.3*	*12.3*	*12.3*	*32.3*
Barangan separa tahan lama	*3.4*	*5.1*	*0.4*	*27.3*
Barangan tidak tahan lama	*19.2*	*6.5*	*10.2*	*11.3*
BARANGAN DUA GUNA	**17.0**	**12.2**	**21.5**	**23.2**
LAIN-LAIN	**-6.0**	**4.9**	**0.8**	**12.0**
IMPORT TERTANGGUH	**9.0**	**5.4**	**7.7**	**11.7**
EKSPORT SEMULA	**35.3**	**53.4**	**26.9**	**52.3**
IMPORT KASAR	**10.1**	**7.5**	**8.5**	**13.7**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Aliran masuk FDI berterusan

Pada asas tunai, aliran masuk kasar **pelaburan langsung asing (FDI)** berjumlah RM3.7 bilion (S4 2005: RM13 bilion), mencerminkan terutamanya pengurangan dalam pemberian pinjaman jangka pendek antara syarikat oleh syarikat multinasional asing kepada anak syarikat mereka di Malaysia. Sejumlah besar daripada aliran masuk kasar itu adalah dalam bentuk modal ekuiti dan disalurkan kepada sektor perkhidmatan, perkilangan dan minyak dan gas. Dalam sektor perkhidmatan, aliran masuk FDI tertumpu terutamanya dalam subsektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan, serta subsektor restoran, hotel dan perdagangan borong dan runcit. Sementara itu, aliran masuk FDI ke dalam sektor perkilangan tertumpu terutamanya pada industri elektrik dan elektronik, industri berkaitan petroleum dan industri barangan optik. Selepas membuat penyelarasan bagi aliran keluar yang disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik pinjaman jangka pendek kepada syarikat yang berkaitan, FDI mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM0.9 bilion (S4 2005: RM2.9 bilion). FDI pada asas tunai tidak mengambil kira perolehan tertahan dan pelaburan dalam bentuk jentera dan peralatan yang diimport.

Pelaburan luar negeri mencatat aliran keluar kasar yang nyata lebih tinggi sebanyak RM47.9 bilion (S4 2005: RM18.1 bilion) disebabkan keseluruhannya oleh peningkatan yang ketara dalam pemberian pinjaman jangka pendek oleh syarikat milik bukan pemastautin dalam sektor minyak dan gas kepada syarikat berkaitan mereka di luar negara berikutan operasi perbendaharaan berpusat. Aliran keluar ini sebahagian besarnya diimbangi oleh aliran masuk berikutan pembayaran balik pinjaman jangka pendek antara syarikat pada suku pertama. Setelah membuat pelarasan terutamanya untuk aliran masuk ini, pelaburan luar negeri mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM1.8 bilion (S4 2005: +RM1.9 bilion). Pelaburan ini diterajui oleh syarikat dalam sektor perkhidmatan, terutamanya dalam subsektor utiliti berikutan pengambilalihan sebuah syarikat jana kuasa di Mesir serta subsektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan. Sementara itu, syarikat dalam sektor perkilangan terus melabur ke luar negara, terutamanya dalam industri keluaran elektrik dan elektronik dan berkaitan kimia.

Pelaburan portfolio mencatat aliran masuk bersih RM3.9 bilion (S4 2005: -RM13.7 bilion) mencerminkan minat asing yang timbul kembali, terutamanya dalam sekuriti hutang.

Hutang luar negeri berkurang

Jumlah hutang luar negeri Malaysia berkurang kepada RM191 bilion atau USD51.3 bilion pada akhir bulan Mac 2006 (akhir 2005: RM195.9 bilion atau USD51.3 bilion), bersamaan dengan 36.8% daripada KNK. Kedudukan hutang luar negeri yang bertambah baik ini disebabkan penurunan hutang jangka sederhana dan panjang, dan hutang jangka pendek. **Hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang** yang lebih rendah (RM147.7 bilion; akhir 2005: RM149 bilion), mencerminkan terutamanya keuntungan penilaian semula kadar pertukaran berikutan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang utama, terutamanya dolar AS. Pada suku pertama, Kerajaan Persekutuan dan sektor swasta mencatat pembayaran balik bersih pinjaman luar negeri yang kecil. Sementara itu, perusahaan awam bukan kewangan (PABK) yang telah mencatat pembayaran balik bersih

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2005		2006
	S1	S4	S1[a]
	RM bilion		
Hutang jangka sederhana & panjang	160.1	149.0	147.7
Sektor awam	94.7	86.1	86.8
Sektor swasta	65.4	62.9	60.9
Hutang jangka pendek[1]	40.5	46.8	43.3
Jumlah hutang luar negeri	200.6	195.9	191.0
- bersamaan USD bilion	52.8	51.3	51.3

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

selama enam suku berturut-turut, beralih arah dengan mencatat pengambilan pinjaman luar negeri bersih (RM3 bilion). Pengambilan pinjaman luar negeri bertujuan terutamanya untuk membiayai perbelanjaan modal, keperluan modal kerja dan pembayaran balik pinjaman luar pesisir, khususnya oleh syarikat pengangkutan.

Jumlah **hutang luar negeri jangka pendek** berkurang kepada RM43.3 bilion atau USD11.6 bilion (akhir 2005: RM46.8 bilion), mencerminkan peminjaman jangka pendek oleh sektor perbankan dan sektor swasta bukan bank yang lebih rendah. Pada akhir bulan Mac 2006, hutang jangka pendek mencakupi hanya 22.7% daripada jumlah hutang luar negeri dan merupakan 16% daripada rizab antarabangsa bersih.

Rizab antarabangsa yang lebih tinggi

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM271.6 bilion atau bersamaan USD73.7 bilion pada 31 Mac 2006. Paras rizab ini mengambil kira pengurangan nilai rizab akibat pelarasan suku tahunan penilaian semula pertukaran asing, berikutan pengukuhan ringgit berbanding dengan mata wang utama. Rizab seterusnya meningkat lagi kepada RM289.5 bilion atau bersamaan USD78.6 bilion pada 15 Mei 2006. Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 8.2 bulan import tertangguh dan ialah 6.6 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Kedudukan fiskal yang bertambah baik

Pungutan hasil lebih kukuh yang lebih daripada mengimbangi peningkatan dalam jumlah perbelanjaan telah menghasilkan lebihan fiskal yang besar sebanyak

Hutang Luar Negeri Terkumpul



¹ Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Kewangan Kerajaan Persekutuan



a Awalan

Kewangan Kerajaan Persekutuan[a]

	2005			2006
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
Hasil	21.1	32.2	106.3	24.2
% pertumbuhan	*19.2*	*-8.7*	6.9	14.5
Perbelanjaan mengurus	15.9	35.5	97.7	17.3
% pertumbuhan	*-1.5*	*-0.2*	*7.1*	*8.9*
Akaun semasa	**5.2**	**-3.3**	**8.6**	**6.9**
% daripada KDNK	***4.5***	***-2.5***	***1.7***	***5.3***
Perbelanjaan pembangunan kasar	2.8	17.5	30.5	2.1
% pertumbuhan	*-42.9*	*66.5*	*5.8*	*-23.0*
Imbangan keseluruhan	**2.6**	**-17.9**	**-18.7**	**4.9**
% daripada KDNK	***2.3***	***-13.7***	***-3.8***	**3.8**
Memo:				
Jumlah perbelanjaan kasar	18.7	52.9	128.3	19.5
% pertumbuhan	*-11.1*	*15.0*	*6.8*	4.2
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan				
(pada akhir tempoh)	223.1	228.7	228.7	232.2
% daripada KDNK	*45.0*	*46.2*	*46.2*	*42.8*
Hutang dalam negeri	189.3	198.7	198.7	203.3
% daripada KDNK	*38.2*	*40.1*	*40.1*	*37.5*
Hutang luar negeri	33.8	30.0	30.0	28.9
% daripada KDNK	*6.8*	*6.1*	*6.1*	*5.3*

[a] Awalan

RM4.9 bilion (3.8% daripada KDNK) pada suku pertama 2006. Perolehan yang lebih tinggi adalah terutamanya daripada hasil berasaskan petroleum di samping pembayaran cukai pendapatan oleh individu dan syarikat. Jumlah perbelanjaan meningkat pada kadar tahunan sebanyak 4.2%, disebabkan perbelanjaan mengurus yang lebih tinggi berikutan kenaikan dalam geran tahunan kepada Kumpulan Wang Amanah Pencen dan bayaran khidmat hutang. Dana diperoleh keseluruhannya daripada sumber dalam negeri. Pada akhir bulan Mac 2006, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan berjumlah RM232.2 bilion atau 42.8% daripada KDNK. Hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan masih rendah pada tahap 5.3% daripada KDNK.